

Newspaper	Berita Harian
Date	30 March 2016

# Polis buka kertas siasatan terhadap Tun M

BH - 30/3/2016

**Kuala Lumpur:** Polis sudah membuka kertas siasatan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad mengikut Akta Hasutan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamad (**gambar**), berkata ia susulan ucapan berunsur hasutan oleh bekas Perdana Menteri itu di Ampang, malam kelmarin, untuk tujuan menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.

"Beliau (Dr Mahathir) bercakap kepada umum dan cuba untuk lakukan perkara 'di luar jangkaan' yang melangkaui

perlembagaan.

"Tidakkah tindakan itu boleh dianggap sebagai menghasut atau khianat? Polis sedang siasat dan lebih banyak beliau (Dr Mahathir) cakap, lebih banyak bahan untuk polis siasat.

## Tindakan jika langgar undang-undang

"Jika siasatan menunjukkan beliau melanggar undang-undang, tindakan akan diambil," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, semalam.

Nur Jazlan berkata demikian ketika diminta mengulas sama



ada tindakan akan diambil terhadap bekas Presiden UMNO dan Perdana Menteri paling lama itu berikutan tindakannya terus

mengkritik kerajaan pimpinan Najib.

Dalam perkembangan lain, Nur Jazlan berkata, kerajaan bercadang meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) bagi memastikan tiada pihak memperlekehkan undang-undang itu.

Katanya, pindaan itu turut membabitkan memperuntukkan hukuman lebih berat bagi memastikan tiada pihak berani mendedahkan dokumen sulit kerajaan.

Beliau mengulas tindakan Ahli Parlimen Pandan daripada PKR, Rafizi Ramli mendedahkan do-

kumen kerajaan mengikut OSA membabitkan siasatan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Terdahulu, Nur Jazlan mengesahkan polis akan membuka kertas siasatan berhubung tindakan Rafizi yang mendedahkan satu salinan muka surat laporan Ketua Audit Negara yang belum dibentang di Dewan Rakyat.

Nur Jazlan berkata, siasatan polis menjurus kepada ketulenan dan bagaimana Rafizi memperolehi dokumen itu.